

**Biografi Mantan Presiden Persatuan GPMS (Gabungan Pelajar
Melayu Semenanjung) yang ke-22: Jais Abdul Karim**

Ilasa Nur Adriana Jasmin
Nur Falihah Che Yusoff
Jafalizan Md. Jali
Ezza Rafedziawati Kamal Rafedzi

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak:

Kajian ini merungkai sumber pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh serta berasaskan sumber lisan yang dijalankan bersama tokoh iaitu Encik Jais Abdul Karim yang merupakan seorang bekas atau mantan presiden sebuah persatuan yang bertindak dan bergiat dalam memperjuangkan pendidikan pelajar-pelajar melayu semenanjung sejak tahun 1948 hingga pada masa kini. Persatuan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung atau dikenali sebagai GPMS adalah merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang telah diterajui oleh pelajar-pelajar melayu lebih tujuh dekad. Kemunduran bangsa melayu dalam bidang ekonomi, sosial dan politik menyumbang kepada penubuhan persatuan ini. Artikel ini memuatkan kisah penceritaan dari Encik Jais Abdul Karim bermula dengan kisah hidup, kerjaya, pengalaman dan sumbangan Beliau semasa dan setelah menerajui persatuan tersebut selama tujuh tahun dari 2009 hingga 2015. Sumber lisan ini dapat dijadikan sumber rujukan primer pada masyarakat. Oleh yang demikian, maklumat ini telah didokumentasikan menggunakan teknik sejarah lisan.

Kata kunci: *Jais Abdul Karim, GPMS, persatuan pelajar, pendidikan, kepimpinan*

Abstract:

This article unravels the reading and study of the author of the figures and based on oral sources were conducted with leaders, Mr. Jais Abdul Karim who is a former or ex-president of an association that acts and actively fights for the education of students of the Malay peninsula since 1948 to today's time. Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung otherwise known as GPMS is a non-governmental organization which has been led by Malay students over seven decades. The setback of the Malays in the economic, social and political contributed to the establishment of this association. This article contains stories from Mr Jais Abdul Karim from the beginning of his life, career, experiences and contributions during and after leading the association for seven years from 2009 to 2015. This oral source can serve as primary sources of reference for the community. Therefore, this information has been documented using oral history techniques.

Keywords: *Jais Abdul Karim, GPMS, student association, education, leadership*

LATAR BELAKANG JAIS ABDUL KARIM

Jais Abdul Karim merupakan anak jati negeri Pulau Pinang, berasal daripada Tanjung Tokong dan merupakan anak keempat daripada sepuluh orang adik beradik. Beliau berusia 46 tahun dan dilahirkan pada tahun 1973. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Islam Antarabangsa [UIA] pada tahun 1998. Beliau mempunyai beberapa falsafah hidup yang menjadi prinsip dan pegangan hidupnya, iaitu dunia adalah bilik darjah terbaik dan hidup mesti berbuat. Beliau telah mengembara hampir ke 30 buah negara melalui pelbagai program dan pengembaraan peribadi. Beliau merupakan seorang pelajar yang aktif dari segi kokurikulum. Titik perubahan hidup beliau bermula pada usia 15 tahun apabila beliau menyertai program yang dianjurkan oleh GPMS dan program tersebut memberi impak yang kuat terhadap pembinaan sahsiah dirinya. Dari seorang pelajar yang tidak cenderung terhadap pelajaran, Beliau mula menitik beratkan perihal pendidikan dan disiplin diri hasil dari penyertaan Beliau dengan GPMS.

Berperwatakan berani dan agresif, Persatuan GPMS telah membimbing Jais untuk menyesuaikan watak-watak dalam dirinya ke arah positif dan kecenderungan terhadap menjadi seorang pemimpin. Semasa beliau di tingkatan enam Beliau berjaya menubuhkan GPMS cawangan di Nibong Tebal dan Parit Buntar. Semangat kepimpinan beliau telah diasah sejak bangku sekolah lagi. Setelah itu beliau berjaya melanjutkan pengajian di Universiti Islam Antarabangsa dalam jurusan undang-undang. Beliau dapat merealisasikan impian untuk menjadi seorang peguam dan masih berkecimpung dalam Persatuan GPMS dan pada masa yang sama bekerja dalam pelbagai bidang. Pada tahun 2009 Beliau dilantik menjadi presiden dan dibayar elaun oleh persatuan GPMS.

Beliau mula terlibat dengan bidang politik dan sering dijemput ke program motivasi dan ceramah untuk mengutarakan pandangan beliau tentang pendidikan negara Malaysia. Pada masa kini, setelah 4 tahun persaraan, beliau sekarang adalah lembaga pengarah sebuah syarikat penerbitan buku dan dalam usaha menyiapkan sebuah projek untuk menerbitkan satu siri buku yang berkaitan dengan *'leadgrity'* atau *'leadership integrity'*. Beliau juga terlibat dalam bidang penulisan dan menghasilkan beberapa karya politik antaranya ialah Perjuangan NGO Pendidikan Melayu di Malaysia jilid 1, 2, dan 3, Majalah Suara GPMS, GPMS Warisan Perjuangan Bangsa dan banyak lagi.

PENGLIBATAN AWAL DALAM PERSATUAN GABUNGAN PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS)

Serba sedikit penerangan tentang sejarah penubuhan GPMS bermula dengan sebab kemunduran bangsa Melayu di bidang ekonomi, sosial dan politik pada 14 dan 15 Ogos 1948. Atas hasrat untuk mengatasi segala kekurangan tersebut maka telah berkumpul beberapa orang pelajar Melayu Maktab, Raffles dan Maktab Perubatan Singapura bagi menaja penubuhan sebuah badan pelajar Melayu peringkat kebangsaan yang bertujuan untuk menggabungkan semua badan pelajar yang sedia wujud ketika itu.

Sebenarnya GPMS telah pun melalui empat peringkat masa iaitu dengan penubuhan beberapa kumpulan pelajar Melayu yang dengan sedar telah berusaha meningkatkan kualiti pelajaran dan pendidikan orang Melayu.

Peringkat pertama ialah pada tahun 1937 di mana telah tertubuhnya 'Malay Boys League' di Penang Free School. Kedua, pada tahun 1945 dengan tertubuhnya 'Kesatuan Penuntut Melayu Victoria Institution'. Ketiga, pada tahun 1947 iaitu dengan tertubuhnya 'Kesatuan Penuntut Melayu Selangor'. Dan Keempat, pada tahun 1948 apabila tertubuhnya 'Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)'.

Jais Abdul Karim mula melibatkan diri di dalam persatuan GPMS ini ketika Beliau berada di tingkatan tiga lagi, sewaktu Beliau berumur 15 tahun. Ini bermula apabila gurunya yang mengesyorkan Beliau kerana Beliau merupakan antara pelajar yang nakal di sekolah dengan harapan ianya mampu mengubah prestasi Beliau. Penglibatan Beliau di sekolah dari tahun 1988 sehingga ke 2004, di mana Beliau mula bergerak aktif dengan persatuan ini di samping bergelar seorang ahli perniagaan pada masa yang sama.

Antara aktiviti pertama yang dikongsi Jais tentang aktiviti pertamanya sewaktu menyertai persatuan ini adalah dengan menyertai seminar-seminar yang dianjurkan persatuan ini antaranya seminar motivasi, seminar teknik belajar yang berkesan dan seminar menghadapi peperiksaan. Menurutnya, dengan mengikuti seminar-seminar ini, mutu pembelajarannya di sekolah bertambah baik dan begitu juga prestasinya. Seminar-seminar ini dipraktikkan sekali lagi apabila dia sudah bergelar menjadi presiden GPMS yang ke-22. Dia merubah sedikit strategi yang terdahulu dengan kali ini, melatih mahasiswa - mahasiswa universiti sebagai penceramah dan melatih pelajar-pelajar di sekolah. Alasannya untuk merubah strategi ini kerana baginya dengan cara ini, lebih ramai akan mendapat manfaat.

Antara jawatan-jawatan yang pernah dipegang beliau sebelum menjadi presiden adalah seperti penolong setiausaha agong, ahli jawatankuasa GPMS di beberapa negeri seperti Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan juga peringkat kebangsaan, semuanya dari tahun 1993 sehingga 2006. Pangkat Beliau kemudian berubah daripada ahli jawatankuasa ke naib presiden sehinggalah Beliau menjadi presiden di 2009. Menurutnya, jawatan-jawatan di dalam GPMS diperolehi sama ada melalui persidangan mesyuarat agong ataupun melalui pertandingan dan undian. Beliau turut menyenaraikan tentang ahli-ahli aktif di dalam GPMS sewaktu dia masih menyertai perjuangan tersebut dan masih lagi berhubung dengan mereka sehingga kini.

Bila ditanya tentang pengalaman yang tidak dapat beliau lupakan sewaktu menyertai GPMS adalah apabila negara dikejutkan dengan berita beberapa pelajar cemerlang seperti Nor Amalina Che Bakri, Nadiah Amirah dan Azali Azlan. Jais ketika ini diminta oleh ketua beliau mencari pelajar-pelajar cemerlang ini dan dibawa ke merata tempat sebagai model contoh kepada pelajar-pelajar melayu yang lain. Bagi beliau, selain daripada pelajar-pelajar, tiga orang pelajar cemerlang ini turut menginspirasi beliau untuk terus berjaya di masa hadapan. Bila ditanya tentang pengalaman pahit pula, Beliau turut berkongsi pengalaman Beliau sewaktu digantung persatuan kerana beberapa perebutan kuasa di dalam persatuan ini.

Idola-idola beliau sewaktu menyertai GPMS turut dikongsi di dalam temu bual ini. Antaranya adalah Datuk Paduka Abd Wahab Ariff dan Tun Siti Hasmah serta Tuan Haji Zainol Abidin Mohd Nor. Idola-idola yang dinyatakan ini adalah kerana sikap mereka yang walaupun sudah berumur, tapi masih mampu bekerjasama berkorban untuk pelajar-pelajar melayu khususnya di dalam bidang pendidikan. Tidak lupa juga dengan Shahril Rejab, seorang pemuda yang pernah bergelar timbalan presiden GPMS yang selalu menasihatkan Beliau sewaktu Beliau menyertai GPMS di zaman persekolahan. Jais menyambung lagi dengan mengatakan, Beliau tidak pernah mengimpikan untuk menjadi presiden persatuan ini, malah cuma bercita-cita untuk menjadi setiausaha agong sahaja. Tetapi, sebaik saja diminta oleh pihak atasan, Beliau akhirnya akur dan bersedia memangku jawatan itu sehingga 2015.

PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI PRESIDEN GPMS YANG KE-22 PADA TAHUN 2009-2015

Seperti yang dikongsi di atas, Beliau mula bersedia untuk menjadi presiden persatuan ini apabila pihak atasan mula mencadangkan orang luar untuk dijadikan presiden. Beliau menolak sekerasnya idea tersebut dan menjawat jawatan itu dengan hati terbuka. Antara tugasnya sebagai presiden adalah Beliau memulakan kisah ini sewaktu menjadi naib presiden di mana Beliau bertanggungjawab dalam menjalankan program-program untuk GPMS dengan bantuan presiden GPMS pada ketika itu. Kini, apabila Beliau sendiri memangku jawatan ini, beberapa perkara telah dibuatnya.

Beliau memulakan langkah Beliau dengan membuka meja bulat untuk mencari tuntutan pendidikan untuk pelajar-pelajar melayu ketika itu dan hasilnya sebanyak seratus tuntutan untuk menambah baik taraf pendidikan. Idea ini segera ditunjukkan kepada menteri pendidikan dan di masa yang sama, dipersetujui oleh pihak kementerian dan dijalankan. Selain daripada itu, Beliau turut memperkenalkan hari hak keistimewaan orang melayu, memperkukuhkan lagi program-program motivasi GPMS ke sekolah-sekolah dengan tujuan menambah lagi bilangan ahli GPMS, kemudian Beliau menambahkan lagi strategi dan dasar perjuangan GPMS agar lebih jelas lagi tentang fungsi GPMS kepada masyarakat. Selain daripada itu, Beliau menambah baik dasar pengurusan dalaman GPMS dengan harapan untuk melahirkan lebih ramai pemimpin yang boleh berfikir dengan jelas dan terbuka. Ini dijalankan dengan membawa ahli-ahli GPMS ke merata tempat untuk melihat tentang pengalaman-pengalaman di luar selain di dalam negara.

Menyebut tentang penglibatannya di dalam dan luar negara, Beliau menceritakan aktivitinya di luar negara iaitu dengan membawa ahli-ahli GPMS ke luar negara untuk membuka minda mereka. Selain daripada itu, Beliau turut berkongsi serba sedikit tugas Beliau sebagai salah seorang pengasas majlis perundingan melayu. Sementara di dalam negara pula, Beliau sering dijemput untuk menyampaikan ceramah-ceramah dan tidak lupa dijemput untuk membentangkan kertas-kertas kerja di merata tempat di dalam negara. Cabaran dan kritikan sewaktu Beliau menjawat jawatan presiden turut dikongsi serba sedikit di dalam temubual ini.

Beliau juga sangat bersetuju dengan pernyataan dengan menyertai persatuan, bakat kepimpinan boleh dicungkil dari seseorang individu. Hujah Beliau disokong lagi dengan penyertaan dua ahli GPMS sebagai calon di PRU baru-baru ini. Selain daripada itu, Beliau menambah lagi dengan menceritakan anugerah yang Beliau perolehi sewaktu menjadi pemimpin GPMS, antaranya pada tahun 2010, di mana GPMS telah dianugerahkan sebagai persatuan paling terinformasi. Serta di tahun 2012, giliran Beliau pula tercalon sebagai tokoh belia Pulau Pinang.

**PERKEMBANGAN SELEPAS BERGELAR MANTAN GABUNGAN
PELAJAR MELAYU SEMENANJUNG (GPMS)**

Sebaik saja Beliau mencapai umur 40 tahun, Beliau mula pencen daripada persatuan ini kerana syarat umur penyertaan ahli GPMS adalah sehingga 40 tahun sahaja. Beliau menyambung lagi perjuangan Beliau dengan menyertai Yayasan Anti Rasuah Malaysia (YARM). Walaubagaimanapun, oleh kerana perebutan kuasa yang berlaku di dalam yayasan itu membuatkan Beliau menarik diri dan yang terkini menyertai satu persatuan baru di mana Beliau merupakan antara pengasas bagi persatuan tersebut iaitu, Malaysian Corruption Watch (MCW). Persatuan ini turut berkait rapat dengan SPRM dan mereka saling bekerjasama dalam membangunkan dan memperkenalkan persatuan ini kepada orang ramai. Dalam pada masa yang sama, Beliau turut menubuhkan yayasan GPMS yang terdiri kepada beberapa buah anak syarikat seperti GPMS Holding Sendirian Berhad, GPMS Education Sendirian Berhad, GPMS services dan akademi kepimpinan dan penyelidikan melayu.

MCW terdiri daripada seorang presiden, tiga timbalan presiden, lima naib presiden, setiausaha agong, penolong setiausaha agong dan juga bendahari. Seorang demi seorang nama timbalan presiden dan naib presiden dikongsi Beliau kepada kami sewaktu sesi temu bual. Bilangan ahli MCW yang terkini adalah sebanyak 183, dan harapannya agar mendapat pertambahan lagi di masa hadapan. Menurutnya matlamat utama penubuhan MCW adalah untuk memberi pendidikan dan kesedaran kepada rakyat Malaysia tentang bahaya rasuah dan kesannya kepada negara jika dibiarkan berleluasa. Selain itu, persatuan ini juga ditubuhkan untuk menggalakan orang ramai untuk melaporkan kes-kes rasuah yang berlaku di sekeliling mereka. Beliau menyuarakan pandangan Beliau tentang sikap orang awam yang biasanya takut untuk melaporkan kes-kes seperti ini kepada pihak berkuasa. Hasilnya, setakat dua tahun tertubuhnya pertubuhan ini, sebanyak 150 kes telah dilaporkan kepada pihak SPRM.

Walaupun sudah bergelar mantan dan kini menjadi penasihat GPMS, Beliau masih mengikuti perkembangan GPMS yang terkini. Pendapatnya GPMS terkini sudah berubah dengan GPMS yang terdahulu antaranya kerana perubahan cabaran dunia terkini dengan zaman Beliau dahulu. Walaupun beliau kurang bersetuju dengan sesetengah perkara tentang cara tampuk

kepimpinan kini menjalankan tanggungjawab mereka, Beliau masih lagi berharap GPMS akan kekal jika boleh 100 tahun lagi kerana baginya pelajar-pelajar melayu masih memerlukan persatuan ini, khususnya untuk bidang pendidikan. Harapan Beliau untuk persatuan ini adalah agar GPMS dapat menjadi sebuah pertubuhan yang agresif dan memberi impak yang besar kepada masyarakat, serta menjauhi perkara-perkara seperti cakap kosong daripada terjadi di dalam GPMS.

Sedikit sebanyak cara kepimpinan MCW sekarang banyak diambil sewaktu Beliau memimpin GPMS terdahulu. Beliau turut berharap nilai-nilai GPMS dapat diterapkan di dalam ahli-ahli MCW yang terkini. Sepanjang dua tahun setengah penubuhan MCW, ianya telah disambut positif oleh orang ramai. Di akhir kata Beliau, Encik Jais turut menyelitkan perancangan Beliau kepada MCW, iaitu agar ahli-ahli MCW dapat menambah ilmu bagi menyedarkan rakyat Malaysia tentang rasuah dan mampu untuk bercakap bagi menyebarkan ilmu ini kepada orang ramai. Keinginannya sekarang adalah di samping cuma SPRM kini yang memberi ceramah tentang isu rasuah buat masa sekarang, dia mahu bertukar kepada ini menjadi tugas orang awam pula yang berceramah dan menyedarkan masyarakat sekeliling tentang bahaya rasuah di dalam kehidupan pada masa hadapan.

RUMUSAN

Kesimpulannya, sejarah lisan ini dapat memberi kami pengetahuan tentang sejarah GPMS dan pengalaman tokoh dengan lebih mendalam. Daripada tembual yang telah dijalankan bersama Encik Jais Abdul Karim, kami mendapati Beliau mempunyai sifat agresif dan bertanggungjawab di dalam kerjayanya. Selain itu, sifat disiplin yang tinggi telah melayakkan Beliau dan membuktikan bahawa Beliau kini sudah pun menjadi seorang tokoh yang disegani dalam persatuan GPMS. Beliau juga telah bersusah payah untuk membangkitkan hal-hal di dalam bidang pendidikan dan juga hak-hak orang Melayu. Beliau turut berkongsi cabaran dan dugaan yang Beliau tempuhi sepanjang bergelar presiden di dalam persatuan tersebut.

RUJUKAN

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung. (2010). *GPMS: warisan perjuangan bangsa*. Yayasan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Jais Abdul Karim. (2012). *Perjuangan NGO pendidikan melayu di Malaysia*. Sentul, Kuala Lumpur: Yayasan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Jais Abdul Karim. (2014). *Perjuangan NGO pendidikan melayu di Malaysia jilid II*. Sentul, Kuala Lumpur: Yayasan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Jais Abdul Karim. (2015). *Perjuangan NGO pendidikan melayu di Malaysia jilid III*. Sentul, Kuala Lumpur: Yayasan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Jais Abdul Karim. (2019, Nov 13). Personal interview.